

## RESEARCH ARTICLE

# IMPAK PROGRAM SCHOOL IMPROVEMENT PARTNERS+ (SIPartners+) DALAM KALANGAN KEPIMPINAN SEKOLAH DI NEGERI PAHANG, TERENGGANU DAN KELANTAN

## (Impact of School Improvement Partners+ (SIPartners+) Among School Leaders in Pahang, Terengganu and Kelantan)

Mohd Azuri bin Shaari, Hasmadi bin Hassan and Jamal Rizal bin Razali

Center for Human Sciences, Universiti Malaysia Pahang, 26600 Pahang, Malaysia

**ABSTRACT** - The objective of this paper is to analyze the impact of the School Improvement Partners (SIPartners+) or School Mentoring Partner program among School Leadership (KS) introduced by the Malaysian Ministry of Education (KPM) in 2013. The implementation of the program aims to support and assist the development of KS throughout the country. This is in line with the sixth shift related to the goals that must be achieved during Wave One 2013-2015 as stipulated in the Malaysian Education Development Plan (PPPM) 2013-2025. This matter is in focus because there are views from a few KS who assumed that this program does not provide benefits and fails to achieve its objectives due to certain factors. In order to prove whether the matter really exists or is just a rumor, this study was carried out in schools in the states of Pahang, Terengganu and Kelantan. This study uses a quantitative approach and data is analyzed using SPSS IBM Version 20.0 software. The results of the analysis found that the negative response to the implementation of this program was not true because the majority of respondents stated that this program was very beneficial and able to bring the school management system to a better level. This information is very important to the parties involved such as KPM, JPN and PPD to implement and empower this program so that they can transform the mentality of KS. Apart from that, the results of this study can also be used as a basis for improving school management and strengthening the professionalism of KS which in turn will help improve the academic achievement of students at school.

**ABSTRAK** - Objektif kertas ini ialah menganalisis impak program School Improvement Partners+ (SIPartners+) atau Rakan Pembimbing Sekolah dalam kalangan Kepimpinan Sekolah (KS) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2013. Pelaksanaan program bertujuan untuk menyokong dan membantu perkembangan KS di seluruh negara. Hal ini selari dengan anjakan ke-enam yang berkaitan matlamat yang mesti dicapai dalam tempoh Gelombang Satu 2013-2015 seperti yang termaktub di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Perkara ini menjadi tumpuan kerana terdapat pandangan daripada segelintir KS yang mengatakan bahawa program ini tidak memberikan manfaat serta gagal mencapai objektif kerana faktor-faktor tertentu. Bagi membuktikan sama ada perkara tersebut benar-benar wujud atau sekadar sekadar khabar angin, maka kajian ini dijalankan di sekolah-sekolah negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan data dianalisis menggunakan perisian SPSS IBM Version 20.0. Hasil analisis mendapati bahawa tanggapan tidak baik terhadap pelaksanaan program ini ternyata tidak benar kerana majoriti responden menyatakan bahawa program ini sangat bermanfaat dan mampu membawa sistem pengurusan sekolah ke tahap yang lebih baik. Maklumat ini sangat penting kepada pihak-pihak yang terbabit seperti KPM, JPN mahupun PPD untuk melaksana dan memperkasa program ini sehingga dapat melakukan transformasi mentaliti KS. Selain daripada itu, hasil kajian ini boleh juga dijadikan asas penambahbaikan pengurusan sekolah dan memantapkan profesionalisme KS yang seterusnya akan membantu meningkatkan pencapaian akademik murid-murid di sekolah.

## PENDAHULUAN

Robin Sharma (2006) dalam bukunya bertajuk The Greatness Guide yang dijadikan buku panduan untuk mencapai kecemerlangan dalam kehidupan dan perniagaan. Beliau menyatakan bahawa, perubahan itu sangat sukar pada peringkat awal, kompleks di pertengahan tetapi indah pada penghujungnya. Sekilas, pandangan beliau dapat dikaitkan dengan

### ARTICLE HISTORY

Received : 04<sup>th</sup> Nov. 2023  
 Revised : 18<sup>th</sup> Dec. 2023  
 Accepted : 11<sup>th</sup> Mar. 2024  
 Published : 13<sup>th</sup> May 2024

### KEYWORDS

School Leadership  
 Impact of  
 School Improvement Partners  
 (SIPartners+)  
 District Education Office

### KATA KUNCI

Kepimpinan Sekolah  
 Impak  
 School Improvement Partners  
 (SIPartners+)  
 Pejabat Pendidikan Daerah  
 (PPD)

sesuatu yang baharu diperkenalkan kepada seseorang atau sekumpulan manusia. Memang tidak dapat dinafikan bahawa, manusia secara semula jadi sukar menerima sebarang perubahan kerana perubahan tersebut akan menganggu kelancaran dan keselesaan hidupnya. Namun demikian, perubahan itu adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan bagi memastikan sesuatu yang lebih baik dapat dikecapi. Selain itu, pendekatan atau amalan sedia ada mungkin tidak lagi bersesuaian dengan keperluan dan keadaan semasa.

Dalam konteks dunia pendidikan di Malaysia, proses penambahbaikan dan pemerkasaan program atau sistem sedia ada merupakan usaha berterusan. Pelbagai program dirancang dan dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkaitan bagi memastikan kualiti pendidikan di Malaysia sentiasa berada di tahap terbaik. Hal ini sangat penting difahami dan seterusnya diamalkan supaya generasi Malaysia dapat muncul sebagai manusia cemerlang dan bertaraf dunia. Salah satu program yang diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi mempertingkatkan taraf pendidikan Malaysia ialah *School Improvement Partners* (SIPartners+) atau Rakan Pembimbing Sekolah. Program ini diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2013 dengan tujuan untuk menyokong dan membantu perkembangan KS di seluruh negara termasuklah mempertingkatkan kualiti serta sistem pengurusan sekolah. Hal ini selari dengan anjakan ke-enam yang berkaitan matlamat yang mestilah dicapai dalam tempoh Gelombang Satu 2013-2015 seperti yang termaktub di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Program bimbingan *SIPartners+* ini bersifat coaching dan mentoring dan mula dirintis di negeri Sabah dan Kedah merupakan suatu program yang baharu. Program ini telah dikembangkan ke-139 buah PPD seluruh Negara (IAB, 2012). Di dalam pelaksanaan sesuatu program, fasa yang paling penting ialah fasa awal pengenalan dan pelaksanaan. Indikator sesuatu program itu berjaya atau gagal ditentukan pada fasa pertama dan permulaan. Hal ini demikian kerana, KS ialah pihak yang dibimbng manakala pegawai *SIPartners+* ialah pembimbing dan dalam konteks ini, pegawai *SIPartners+* ini dilihat sebagai pihak yang membantu KS menangani kelemahan mereka dalam pengurusan organisasi sekolah. Selain itu, terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa kebanyakan pegawai *SIPartners+* ini tidak berkelayakan serta kekurangan pengalaman dalam membimbng mereka dalam mengurus sekolah berbanding para KS yang telah lama berkhidmat sebagai pihak pengurusan di sekolah.

Hal ini dapat dikaitkan dengan pandangan Tan Shin Yi (2015) dalam tesis sarjana beliau iaitu Pelaksanaan Program *SIPartners+* di Negeri Johor terbitan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang mengatakan bahawa kebanyakan *SIPartners+* tidak diterima oleh sesetengah guru besar/pengetua (KS) kerana dilihat sebagai pihak luar yang cuba campur tangan dalam urusan sekolah. KS juga berasaskan bahawa mereka dipandang sebagai pentadbir yang tidak mahir dan lemah dalam menguruskan sekolah.

Oleh itu, Shower dan Joyce (1996) dalam bukunya bertajuk *The Evolution of Peer Coaching* mencadangkan agar satu kajian penilaian dilakukan untuk melihat impak program yang telah dilaksanakan. Analisis penilaian ini boleh dijalankan secara makro dan mikro. Analisis secara makro bermaksud, melakukan analisis perkaitan program tersebut secara menyeluruh (KS, sekolah, murid, pencapaian akademik dan non-akademik). Manakala analisis secara mikro pula melibatkan usaha mendapatkan maklumat daripada semua pihak yang terlibat dengan program ini bagi menjawab soalan-soalan kajian, penyelidik mampu mendapatkan pengetahuan yang mendalam berkaitan program yang dikaji.

Sekiranya program yang dijalankan ini tidak memberi apa-apa kesan kepada KS, pihak yang paling rugi ialah murid, kerana masa depan mereka sangat bergantung dengan kelancaran pengurusan sekolah. Selain itu, usaha KPM untuk membangunkan mentaliti profesionalisme dalam kalangan KS tidak akan berjaya sekiranya tiada kesediaan mereka untuk menerima pelaksanaan program ini.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dan medium borang soal selidik telah digunakan bagi mengkaji tahap penerimaan KS terhadap pelaksanaan program *SIPartners+* ini. Secara lebih khusus, kajian ini merupakan kajian deskriptif berbentuk tinjauan terhadap KS yang merangkumi sekolah rendah dan sekolah menengah di negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Hal ini selari dengan pandangan Mohd. Majid (2000) dalam bukunya bertajuk *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka menyatakan bahawa penyelidikan kuantitatif deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Penyelidikan ini dapat dijalankan menggunakan kaedah tinjauan yang merupakan salah satu cara yang spesifik bagi mengumpul maklumat berkenaan sekumpulan populasi (Blake & Champion, 1976) dalam jurnal bertajuk *Tahap Kesediaan Pemimpin Sekolah Mengamalkan Domain Menerajui Perubahan Terhadap Pendidikan STEM Di Sabah* terbitan Institut Aminudin Bakri Cawangan Sabah. Beliau menyatakan kaedah ini cukup terkenal dan sangat meluas penggunaannya kerana serba guna, efisien, dan dapat digeneralisasikan serta data dapat dikutip daripada sebahagian besar populasi.

### **Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan borang soal selidik. Penggunaan borang soal selidik di dalam kajian melibatkan pengumpulan data dapat dilakukan dengan cepat dan meluas serta bersesuaian dengan jumlah responden yang ramai (Roselena, 2007).

Selain itu, penggunaan borang soal selidik juga dapat mengelakkan bias penyelidik terhadap responden dan keadaan ini dapat memberikan kebebasan kepada responden untuk menjawab dengan ikhlas. Pemilihan jawapan adalah berdasarkan skala Likert (Likert Scale) yang terbahagi kepada lima (5) nilai iaitu STS (Sangat Tidak Setuju), TS (Tidak Setuju), TP (Tidak Pasti), S (Setuju) dan SS (Sangat Setuju)

### **Populasi dan Sampel**

Kajian ini melibatkan keseluruhan 522 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan 1305 Sekolah Kebangsaan (SK) di Pantai Timur, Semenanjung Malaysia. Sampel terdiri daripada 40 buah sekolah di setiap negeri yang mencakupi keseluruhan SMK dan SK. Responden kajian pula dalam kalangan Pengetua, Guru Besar, Guru Penolong Kanan Pentadbiran, Hal Ehwal Murid, Ko-kurikulum, Petang dan Tingkatan Enam.

### **Prosedur Analisis Data**

Setelah semua borang dikumpulkan melalui Google Drive, langkah seterusnya ialah menganalisis data menggunakan perisian "Statistical Packages for The Social Sciences Version 24 (SPSS V.24)". Hasil analisis akan disajikan dalam bentuk jadual yang menunjukkan frekuensi, nilai minimum, dan peratusan. Keputusan kajian kemudiannya akan dibincangkan mengikut setiap item berdasarkan soalan kajian.

## **ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN**

Analisis kutipan data merujuk Jadual 1.

Jadual 1. Apakah Program Pelaksanaan Transformasi Kepimpinan Sekolah (KS) oleh School Improvement Partners+ (SIPartners+) di Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan

Bil	Pernyataan Soalan	STS 1	TS 2	TP 3	S 4	SS 5	Min	SP
1	Bimbingan SIPartners+ sangat dialu-alukan dalam membangunkan potensi dan kebolehan diri saya.	6 (1.7%)	0 (0.00%)	15 (4.2%)	224 (62.2%)	115 (31.9%)	4.23	0.68
2	SIPartners+ membantu dan membimbing saya dalam membuat analisis SWOT/analisis lain yang bersesuaian dengan betul dan berkesan.	11 (3.1%)	6 (1.7%)	73 (20.3%)	242 (67.2%)	28 (7.8%)	3.75	0.75
3	SIPartners+ membantu dan membimbing saya dalam menentukan sasaran/Petunjuk Prestasi Utama (KPI) sekolah.	11 (3.1%)	0 (0.00%)	68 (18.9%)	248 (68.9%)	33 (9.2%)	3.81	0.72
4	SIPartners+ membimbing serta memastikan saya merangka strategi pencapaian sasaran strategik yang dirancang.	11 (3.1%)	6 (1.7%)	84 (23.3%)	237 (65.8%)	22 (6.1%)	3.70	0.74
5	SIPartners+ membimbing serta memastikan saya menerajui aktiviti instruksional dengan melaksanakan PdPc yang berkesan.	11 (3.1%)	0 (0.00%)	67 (18.6%)	243 (67.5%)	39 (10.8%)	3.83	0.74
6	SIPartners+ membimbing serta memastikan saya melaksanakan pencerapan PdP secara menyeluruh meliputi semua guru secara berterusan atau berkala.	11 (3.1%)	7 (1.9%)	59 (16.4%)	238 (66.1%)	45 (12.5%)	3.83	0.78
7	SIPartners+ membimbing serta memastikan saya menerajui aktiviti instruksional dalam pelaksanaan pemantauan kemajuan dan pencapaian murid secara sistematik dan terancang.	11 (3.1%)	5 (1.4%)	61 (16.9%)	233 (64.7%)	50 (13.9%)	3.85	0.79
8	SIPartners+ membimbing serta memastikan saya menangani masalah pengoperasian sekolah secara profesional dan terancang.	11 (3.1%)	7 (1.9%)	61 (16.9%)	231 (64.2%)	50 (13.9%)	3.84	0.80
9	SIPartners+ membimbing serta memastikan saya bertindak sebagai pendorong untuk meningkatkan motivasi warga sekolah dalam melaksanakan tanggungjawab secara bersungguh-sungguh dan berkualiti.	11 (3.1%)	0 (0.00%)	70 (19.4%)	226 (62.8%)	53 (14.7%)	3.86	0.77
10	Bimbingan SIPartners+ adalah jelas merangkumi penggunaan ‘alat’ Pemajuan Sekolah seperti PILL, 3 Feet Plan, SMART, GROW dan lain-lain.	11 (3.1%)	5 (1.4%)	96 (26.7%)	211 (58.6%)	37 (10.3%)	3.72	0.79
Keseluruhan							3.84	0.66

Bagi mendapatkan gambaran sebenar penerimaan dan impak yang dirasakan oleh KS terhadap pelaksanaan program SIPartners+ ini, maka persoalan yang dikemukakan kepada KS berkaitan dengan tanggapan terhadap program ini dan juga impak yang mereka dapat selepas dibimbing oleh para pegawai SIPartners+ ini. Jadual 1 menunjukkan taburan item yang telah dijawab oleh responden mengikut peratusan, min dan sisihan piawai berkaitan Program Pelaksanaan Transformasi Kepimpinan Sekolah (KS) Oleh School Improvement Partners+ Di Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Hasil daripada kajian mendapatkan bahawa item berkenaan Bimbangan SIPartners+ “sangat dialu-alukan dalam membangunkan potensi dan kebolehan diri saya” (min=4.23 dan SP=0.679) menunjukkan min tertinggi. Maka persepsi sebelum ini yang menyatakan bahawa kebanyakan KS tidak mengalukan bimbangan yang diberikan oleh SIPartners+ adalah tidak benar.

Daripada segi kekerapan dan peratusan pula menunjukkan sebanyak 224 orang (62.2%) menyatakan “setuju” (S) dengan pernyataan tersebut, 115 orang (31.9%) menyatakan “sangat setuju” (SS), 6 orang (1.7%) menyatakan “sangat tidak setuju” (STS) manakala “tidak pasti” (TP) pula adalah sebanyak 15 orang (4.2%). Manakala item yang mempunyai min paling rendah iaitu min = 3.40 dan sp = 0.741, berlaku pada pernyataan soalan SIPartners+ “membimbangi serta memastikan saya merangka strategi pencapaian sasaran strategik yang dirancang”.

Daripada segi kekerapan dan peratusan pula menunjukkan sebanyak 237 orang (65.8%) menyatakan “setuju” (S) dengan pernyataan tersebut, 22 orang (6.1 %) menyatakan “sangat setuju” (SS), 11 orang (3.1%) menyatakan “sangat tidak setuju” (STS), 6 orang (1.7%) menyatakan “tidak setuju” (TS), manakala “tidak pasti” (TP) pula adalah sebanyak 84 orang (23.3%). Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa pelbagai faktor dalam bimbangan oleh SIPartners+ dalam meningkatkan mutu KS berada pada tahap Tinggi (min = 3.84 dan sp = 0.66) dan seperti dinyatakan dalam Jadual 1.

## KESIMPULAN

Data yang dikumpul dan dianalisis menunjukkan bahawa tanggapan sesetengah pihak, terutamanya segelintir KS bahawa program SIPartners+ ini tidak akan membawa sebarang manfaat adalah tidak tepat sama sekali. Hal ini demikian kerana data menunjukkan bahawa majoriti responden menerima dan mengakui bahawa program ini memberikan impak kepada mereka untuk menjalankan tugas-tugas pengurusan sekolah. Maklumat ini secara tidak langsung juga mengesahkan peranan yang dimainkan oleh para pegawai SIPartners+ ini adalah profesional dan objektif.

Responden bersetuju bahawa pelaksanaan pelbagai program dan kaedah pengurusan sekolah yang lebih baik dan berkesan setelah mendapat bimbangan daripada pegawai SIPartners+ ini. Responden juga percaya bahawa mereka mampu menjadikan sekolah mereka lebih baik yang pastinya akan mempertingkatkan pencapaian akademik dan non-akademik semua murid di sekolah tersebut. Rungutan atau khabar angin yang menyatakan bahawa proses pelantikan para pegawai SIPartners+ serta pengalaman mereka dalam pengurusan sekolah, juga tidak dapat dipertahankan kerana sumbangan yang mereka berikan dapat dilihat dengan jelas. Selain itu, perkara ini juga membuktikan bahawa proses pemilihan dan lantikan pegawai SIPartners+ yang dilakukan oleh KPM adalah profesional, telus dan berdasarkan merit semata-mata.

## PENGHARGAAN

Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini terutama Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, dan Pejabat Pendidikan Daerah Kuantan.

## KONFLIK KECENDERUNGAN

Kajian ini dilaksanaan dengan pembiayaan sendiri dan tiada perkaitan dengan mana-mana pihak dalam urusan mendanai penulisan ini. Selain daripada itu, hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada mana-mana pihak dalam membangunkan program pembangunan latihan mereka. Semua penulisan ini adalah fakta berdasarkan kutipan data sebenar dan tidak berniat negatif kepada mana-mana pihak. Penulis ingin memaklumkan tiada sebarang konflik kecenderungan dalam penyediaan hasil kajian ini dan berniat baik bagi sistem pendidikan negara.

## SUMBANGAN PENULIS

- 1) Mohd Azuri bin Shaari: Pendahuluan, pernyataan kajian dan tinjauan literatur; metodologi kajian dan kutipan data; dan draf akhir
- 2) Hasmadi bin Hassan dan Jamal Rizal bin Razali: Analisis data dan perbincangan

## RUJUKAN

- Blake, R. R., dan Champion, F. M. (1976). Tahap Kesediaan Pemimpin Sekolah Mengamalkan Domain Menerajui Perubahan Terhadap Pendidikan STEM Di Sabah. Institut Aminudin Baki Cawangan Sabah.
- Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). Buku Panduan Pengurusan Program SIPartners+.
- Mohd Majid Konting. (2000). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- School Improvement Partners+ (SIPartners+), Kementerian Pendidikan Malaysia, (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.
- Sharma, R. (2006). The Greatness Guide. Harper Element. Kanada.
- Shower, B. dan Joyce, B. 1996. The Evolution of Peer Coaching. Educational Leadership, 53:6, 12-17
- Tan Shin Yi. 2015. Pelaksanaan Program SIPartners+ di Negeri Johor. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.